

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Subsidi bersasar dijangka mula 2024

Subsidi bersasar dijangka mula 2024

Kerajaan akan putuskan mekanisme sama ada menerusi pindahan tunai atau pemberian kad.

Oleh NURHIDAYAH HAIRON
KUALA LUMPUR

Program Subsidi Bersasar dijangka dapat dilaksanakan sepuhnya bermula tahun depan, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, jangka masa itu ditetapkan setelah tempoh percubaan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dilaksanakan November ini sebelum dibuka kepada orang ramai untuk pengesahan kedudukan sosio-ekonomi mereka pada Januari depan.

"Kaedah atau mekanisme sama ada menerusi pindahan tunai atau pemberian kad akan diputuskan dari masa ke masa kerana keutamaan pada masa ini adalah untuk memastikan maklumat

sosioekonomi setiap isi rumah lengkap," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas pembentangan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Lobi Parlimen pada Isnin.

Pada 15 Mei lepas, Anwar yang juga Menteri Kewangan bersetuju menyubuhkan PADU untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini bagi memperkemas pelaksanaan subsidi bersasar.

Anwar berkata, sistem itu akan membantu kerajaan memastikan sebarang program subsidi dilaksanakan dengan lebih teratur untuk mengelakkan sebarang keciciran dalam kalangan penerima isi rumah yang layak.

Dalam pada itu Rafizi memberi jaminan bahawa penambahan peruntukan RM15 billion hasil KSP RMK12 tidak akan menambah hutang kepada kerajaan.

Sebaliknya jelas beliau, peruntukan tersebut mampu dihasilkan menerusi pendapatan kerajaan yang lebih baik

untuk tempoh sehingga 2025.

Katanya, tambahan berkenaan juga dipersetujui dengan mengambil kira jangkaan bahawa kekal dalam sasaran defisit 3.5 peratus menjelang 2025.

"Bermakna kita yakin boleh berbelanja dengan peruntukan lebih, tanpa perlu berhutang. Dana akan diperoleh hasil pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan ia juga hasil daripada pembiayaan dan perbelanjaan lebih teratur di peringkat kerajaan."

"Jadi dengan tatakelola lebih baik, kita yakin bahawa walaupun RM15 billion itu satu tambahan, RM15 billion itu juga adalah penjimatan daripada pelbagai perbelanjaan sedia ada yang kita boleh alihkan kepada perbelanjaan pembangunan untuk dua tahun akan datang," jelasnya.

Rafizi berkata, KSP RMK12 yang turut menekankan fokus untuk meningkatkan kemampuan fiskal membuatkan komitmen kerajaan menambah hasil.

"Sumber hasil akan lebih pelbagai supaya lebih mampan. Perinciannya dalam tahun-tahun akan datang kerana ia melibatkan keputusan semasa kerajaan dari masa ke masa," ujarnya.



RAFIIZI

